

Headline	Pasar Latino di London bakal lenyap		
MediaTitle	Kosmo		
Date	01 Jul 2019	Color	Full Color
Section	Kosmo 2	Circulation	155,996
Page No	22	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	831 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 21,649
Frequency	Daily	PR Value	RM 64,946



LAMAN
GLOBAL



PELANGGAN sedang menikmati makan tengah hari di restoran Colombian yang terdapat di Seven Sisters.



KEDAI pakaian Ana Castro terletak di dalam bangunan beli-belah Elephant and Castle, Selatan London.



BANGUNAN pasar di Seven Sisters yang menjadi tumpuan masyarakat Latin.

Pasar Latino di London bakal lenyap

SETIAP kali warga Amerika Selatan di London mencari pekerjaan atau meminta bantuan, mereka akan ke menuju ke pasar Latino di Seven Sisters.

Namun, disebabkan banyak projek pembangunan sudah mulai didirikan di kawasan tersebut, mereka mula bimbang jika pasar berkenaan dimusnahkan.

Pasar Seven Sisters terletak di kawasan timur laut London, dikenali dengan nama Pueblo Paisa atau Kampung Latin.

"Apabila saya tiba di sini, saya terus ke Seven Sisters bagi mendapatkan bantuan kerana saya tidak tahu berbahasa Inggeris," kata warga Colombia, Ana Castro, 38, yang telah menetap di London selama sedekad.

Di situ, orang-orang Latin akan mencari bahan makanan untuk dimasak sebelum wang selebihnya diantar pulang ke kampung masing-masing.

Satu siri cadangan penjanaan semula pasar tersebut telah disetak sejak tahun 2007.

Kini, hab komuniti itu bakal lenyap dengan tanahnya akan dijual untuk digantikan dengan 196 buah rumah apartmen dan 3,500 meter persegi ruang komersial.

Sekumpulan pedagang dan penduduk tempatan yang diketuai oleh Victorian Alvarez telah memfailkan permohonan ke Mahkamah Tinggi England yang mendakwa pasar komuniti itu akan musnah.

Pemaju menawarkan gerai sementara di menara yang



RAMAI penduduk Latin menjadikan pasar di Seven Sisters sebagai tempat sumber pendapatan mereka.

baru dibina di seberang jalan. Rancangannya adalah untuk membina pasar jangka panjang yang mampam, memberikan rumah baharu serta ruang perniagaan yang selesa.

Sewa tinggi

"Apabila pasar tersebut dibuka kembali ke tapak sebenar, peniaga mempunyai komitmen yang perlu dibayar iaitu sewa tapak dengan jaminan ruang yang selesa dan sama luas," kata Ketua Pihak Berkuaasa Tempatan Haringey Council, Joseph Ejiofor.

Bagaimanapun, Alvarez takut sewa yang dikenakan bakal melambung disebabkan tempat itu dikelilingi dengan pelbagai bangunan mewah dan kedai-kedai francais.

"Kami sebelum ini berjanji untuk menyokong suku Latin di kawasan itu," kata Johnson Situ, anggota Persatuan Latin Elephant.

kabinet Majlis Southwark.

Alvarez, yang melarikan diri daripada konflik di Colombia 30 tahun yang lalu berkata, sebagai pelarian, kadang kala dia bagai tidak memiliki apa-apa hak.

"Insiden ini amat mengganggu psikologi dan amat kompleks. Saya sanggup ke mahkamah Eropah jika diperlukan," tuturnya.

Santiago Peluffo pula bimbang perkara yang sama bakal berlaku pada pusat beli-belah Elephant and Castle di selatan London yang mempunyai komuniti Amerika Selatan sendiri dengan sekitar 150 perniagaan dijalankan orang-orang Latin.

"Pemaju harta tanah menunjukkan perniagaan-perniagaan besar yang menjual barang berjenama," kata Argentine, wakil daripada Persatuan Latin Elephant.

Persatuan itu telah menghabiskan masa selama lima

tahun dalam mempertahankan pusat beli-belah berkenaan. Tempat di mana ramai orang Amerika Latin datang untuk menonton perlawanan bola sepak, mendapatkan pekerjaan atau mencari bilik untuk disewa.

Pada Januari baru-baru ini, pihak berkuaasa tempatan meluluskan rancangan untuk merobohkan pusat beli-belah 1960-an dan membina lima atau enam menara 40 tingkat yang mengandungi 979 flat, kedai dan pawagam.

"Rancangan mereka itu seperti mahu mengubah kawasan tersebut menjadi Mahanttan yang dipenuhi bangunan pencakar langit," ujar Peluffo.

Sementara itu, Castro menjalankan kedai pakaian di pusat beli-belah Elephant and Castle, sebuah kawasan yang sama seperti Seven Sisters.

Kedai pakaian Castro merupakan salah satu daripada beberapa kedai yang mendapat hak selesa menyampaikan pelan perniagaan untuk kembali ke kompleks baharu sebaik sahaja pembangunan semula itu selesai.

Dia pada mulanya dia hanya membayar 40 peratus nilai sewa dan kini, perlu membayar 75 peratus pula. Dia tidak pasti sama ada perniagaan kecilnya dapat memenuhi bayaran sewa tersebut.

"Amat menyedihkan. Walaupun pihak berkuaasa tempatan Southwark menegaskan mereka komited untuk menegakkan kepelbagaian budaya yang luar biasa di kawasan ini, namun ia masih belum terjamin," tuturnya.

- AFP